

Anti-Lynas: MCA gantung ketua Pemuda Indera Mahkota
MalaysiaKini.com
May 16, 2012

Lembaga disiplin MCA menggantung keahlian Ketua Pemuda bahagian Indera Mahkota, David Choi selama tiga tahun.

mca snoop squad hearing 140508 michael chenChoi dikenali berpendirian kuat menentang loji nadir bumi Lynas yang sedang dibina di Gebeng, Pahang.

Pengerusi lembaga tersebut Datuk Michael Chen (kiri) memberitahu akhbar berbahasa Cina, Sin Chew Daily bahawa Choi boleh merayu terhadap keputusan itu.

Lembaga telah memanggil Choi membela dirinya terhadap 20 aduan, termasuk mengenai isu Lynas dan merosakkan reputasi Ketua MCA Bahagian Indera Mahkota, Pang Tsu Ming.

Walaupun mendapat bantahan dari dalam parti, Choi menyertai perhimpunan jalanan anti-Lynas tahun lepas di Kuantan, seperti juga perhimpunan Himpunan 3.0 Hijau bulan lalu di Kuala Lumpur.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/198080>